

Inisiatif memudahkan rakyat memiliki rumah pertama

Duti setem dikecuali

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengumumkan inisiatif pemilikan perumahan i-Miliki yang menawarkan pengecualian duti setem sebanyak 50 hingga 100 peratus bagi pembelian rumah pertama berkuat kuasa 1 Jun 2022 hingga Disember tahun hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika mengumumkan insentif itu berkata, ia membabitkan pemberian insentif ke atas surat cara pin-

dah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama, secara peringkat harga rumah.

Katanya, langkah itu sebagai usaha mendukung Program Pemilikan Kediaman (HOPE) selaras dengan gagasan 'Satu Keluarga Satu Rumah' sekali gus memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

"HOPE bukan sahaja membantu mempromosi perumahan untuk segenap lapisan masyarakat, tetapi juga bagi melihat ekosistem sektor perumahan secara holistik.

UM - 16/7/2022 m/s: 1
"Bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus. Bagi rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta, insentif pengecualian 50 peratus.

"Pengecualian itu adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023," katanya ketika berucap merasmikan HOPE dan Karnival Jom Beli Rumah di Pusat Pameran Midvalley di sini, semalam.

Menurut Ismail Sabri, pemberian pengecualian itu juga merupakan antara usaha yang dilakukan kerajaan dalam memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata, insentif berkenaan yang diperkenalkan sejak Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dimulakan pada 2019 hingga 2021, masih diteruskan bagi pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 sehingga 31 Disember 2025.